# Amalan Bulan Safar Al-Khair

Sesiapa yang membacanya (doa dibawah) pada setiap hari bulan Safar, akan dihindari daripada sebarang bala dan penyakit sehingga bulan Safar pada tahun berikutnya. Insya-Allah.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ عَبْدِكَ وَنَبِيِّكَ وَرَسُوْلِكَ النَّبِيِّ ٱلْأُمِّيِّ، وَعَلَى آلِهِ وَبَارِكْ وَسَلِّمْ. اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوْذُ بِكَ مِنْ شَرِّ هَذَا الشَّهْرِ، وَمِنْ كُلِّ شِدَّةٍ وَبَلآءٍ وَبَلِيَّةٍ قَدَّرْتَهَا فِيْهِ، يَا دَهْرُ، يَا مَالِكَ الدُّنْيَا وَٱلْآخِرَةِ، يَا عَالِمَ بِمَا كَانَ وَمَا يَكُوْنُ، وَمَنْ إِذَا أَرَادَ شَيْئًا قَالَ لَهُ كُنْ فَيَكُوْنُ، يَا أَزَلِيُّ يَا أَبَدِيُّ، يَا مُبْدِئُ، يَا مُعِيْدُ، يَا ذَا الْجَلَالِ وَٱلْإِكْرَامِ، يَا ذَا الْعَرْشِ الْمَجِيْدِ، أَنْتَ تَفْعَلُ مَا تُرِيْدُ. اللَّهُمَّ احْرُسْ بِعَيْنِكَ نَفْسِي، وَأَهْلِي، وَمَالِي، وَوَلَدِي، وَدِيْنِي، وَدُنْيَايَ، الَّتِي ابْتَلَيْتَنِي بِصُحْبَتِهَا، بِحُرْمَةِ ٱلْأَبْرَارِ وَٱلْأَخْيَارِ، بِرَحْمَتِكَ يَا عَزِيْزُ يَا غَفَّارُ، يَا كَرِيْمُ يَا سَتَّارُ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِيْنَ. اللَّهُمَّ يَا شَدِيْدَ الْقُوَى، وَيَا شَدِيْدَ الْمِحَالِ، يَا عَزِيْزُ ذَلَّتْ لِعِزَّتِكَ جَمِيْعُ خَلْقِكَ، إِكْفِنِي عَنْ جَمِيْعِ خَلْقِكَ، يَا مُحْسِنُ، يَا مُجَمِّلُ، يَا مُتَفَضِّلُ، يَا مُنْعِمُ، يَا مُكْرِمُ، يَا مَنْ لاَ إِلَهَ إِلاَّ أَنْتَ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِيْنَ، وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani.

"Ya Allah! Kurniakanlah rahmat ke atas penghulu kami Muhammad; hambaMu dan NabiMu serta RasulMu; Nabi yang ummi, dan ke atas keluarga Baginda dan limpahkanlah keberkatan dan kesejahteraan ke atas mereka. Ya Allah! Sesungguhnya aku berlindung denganMu daripada kejahatan bulan ini dan daripada setiap keperitan, mala petaka dan ujian yang telah Engkau taqdirkan di dalam bulan ini, wahai Yang Maha Mencipta masa! Wahai Pemilik dunia dan akhirat! Wahai Yang Maha Mengetahui apa yang telah terjadi dan yang akan terjadi! Wahai Tuhan yang apabila Dia mengkehendaki sesuatu, maka Dia berkata kepadanya, "Jadilah!" Lalu ia pun terjadi. Wahai Tuhan Yang Maha Azali! Wahai Yang Maha Abadi! Wahai Yang Maha Memulakan kejadian! Wahai Yang Maha Mengambalikan kejadian! Wahai Yang Mempunyai Keagungan dan Kemuliaan! Wahai Tuhan Yang Memilik 'Arasy yang mulia! Engkau melakukan apa sahaja yang Engkau kehendaki. Ya Allah! Peliharalah dengan PandanganMu akan diriku, keluargaku, harta bendaku, anak-anakku, agamaku, dan duniaku yang telah Engkau menguji daku dengan perdampingan dengannya, dengan kemuliaan orang-orang yang baik dan juga terpilih, dengan rahmatMu, wahai Yang Maha Perkasa! Wahai Yang Maha Pengampun! Wahai Yang Maha Mulia! Wahai Yang Maha Menutupi! Dengan rahmatMu, wahai Yang Maha Pengasih dari segala yang mengasihani! Ya Allah! Wahai Tuhan Yang Amat Kuat KekuatanNya! Wahai Yang Amat Keras azab siksaNya! Wahai Yang Maha Mulia! Telah menjadi hina sekalian makhlukMu kerana kemuliaanMu, peliharalah aku dari kejahatan sekalian makhlukMu, wahai Yang Maha Memberikan kebaikan! Wahai Yang Maha Mengindahkan! Wahai Yang Maha Melebihkan! Wahai Yang Maha Memberi nikmat! Wahai Yang Maha Memuliakan! Wahai Tuhan yang tiada Tuhan melainkan Engkau! Dengan rahmatMu, wahai Yang Maha Pengasih dari segala yang mengasihani! Semoga Allah mencucuri rahmat dan kesejahteraan ke atas penghulu kami Muhammad dan ke atas keluarga dan sahabat-sahabat Baginda."

Sumber dari kitab:
Amalan Bulan Safar Al-Khair - Syeikh Muhammad Fuad Bin Kamaludin Al-Maliki.